

Bil. S 23

**AKTA PENDAFTARAN JURURAWAT
(PENGAL 140)**

**PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURURAWAT
(LEMBAGA JURURAWAT BAGI BRUNEI), 2002**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
2. Penubuhan Lembaga.
3. Keahlian Lembaga.
4. Mesyuarat Lembaga.

**AKTA PENDAFTARAN JURURAWAT
(PENGAL 140)**

**PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURURAWAT
(LEMBAGA JURURAWAT BAGI BRUNEI), 2002**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 4(1)(e) dari Akta Pendaftaran Jururawat, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jururawat (Lembaga Jururawat bagi Brunei), 2002.

Penubuhan Lembaga.

2. Lembaga Jururawat bagi Brunei adalah dengan ini ditubuhkan.

Keahlian Lembaga.

3. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

(a) Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan, yang akan menjadi pengerusi;

(b) 3 orang Pengetua Pegawai Jururawat;

(c) Pengetua Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah;

(d) 3 orang Pegawai Jururawat Kanan;

(e) seorang pegawai jururawat daripada Hospital Panaga;

(f) seorang pegawai pentadbir kanan daripada Kementerian Kesihatan;

(g) seorang pegawai perubatan;

(h) seorang bekas jururawat.

(2) Ahli-ahli Lembaga hendaklah dilantik oleh Menteri bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut dan layak untuk dilantik semula.

(3) Menteri hendaklah melantik salah seorang daripada ahli-ahli Lembaga yang disebut dalam perenggan (d) peraturan kecil (1) untuk menjadi setiausaha.

(4) Notis lantikan di bawah peraturan kecil (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(5) Dalam peraturan ini, "Menteri" bermakna Kementerian Kesihatan.

Mesyuarat Lembaga.

4. (1) Semasa ketiadaan pengerusi dalam sebarang mesyuarat Lembaga, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih seorang ahli daripada kalangan mereka sendiri yang akan menjadi pengerusi bagi mesyuarat tersebut.

(2) 8 orang ahli yang hadir hendaklah membentuk korum mesyuarat.

(3) Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, Lembaga boleh menentukan prosedurnya sendiri.

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 10 haribulan April, 2002.

PEHIN ORANG KAYA LAILA WIJAYA DATO SERI SETIA
HAJI AWANG ABDUL AZIZ BIN BEGAWAN PEHIN UDANA KHATIB
DATO SERI PADUKA HAJI AWANG UMAR
Pemangku Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.